

GPS ulangi ikrar sokong Muhyiddin sebagai PM

KM Sarawak yakin keupayaan hadapi situasi mencabar bukti kemampuan

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Ketua Menteri (KM), Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, mengulangi ikrar sokongan Gabungan Parti Sarawak (GPS) terhadap Tan Sri Muhyiddin Yassin, sebagai Perdana Menteri.

Abang Johari yang juga Pengerusi GPS berkata, Muhyiddin berjaya membuktikan keupayaannya menstabilkan negara ketika berdepan situasi yang amat mencabar.

“Masa depan akan lebih terjamin jika politik kita stabil. Ia akan menjadi tarikan kepada pelaburan asing, seterusnya men-

jamin pembangunan berterusan,” katanya dalam ucapan sempena Majlis Perjumpaan Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam di sini, semalam.

Abang Johari melahirkan keyakinan kestabilan politik akan membolehkan negara menghadapi cabaran besar, terutama pandemik COVID-19.

“Hari ini pun apabila COVID-19 melanda, Perdana Menteri menanganinya dengan baik. Tahniah, Perdana Menteri,” katanya.

Abang Johari menerajui GPS yang diwujudkan selepas empat parti tempatan Sarawak keluar daripada komponen Barisan Nasional (BN) pada 2018.



Muhyiddin beramah mesra dengan penerima suntikan vaksin sambil diperhatikan Abang Johari (tiga dari kanan) ketika melawat Pusat Vaksinasi COVID-19 di Stadium Perpaduan di Kuching, semalam.
(Foto bernama)

Empat parti berkenaan ialah Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan Parti Demokratik Progresif (PDP).

GPS mempunyai 18 kerusi Parlimen dan daripada jumlah itu, dengan wakil paling ramai daripada PBB iaitu 13 kerusi, PRS (dua), PDP (dua) dan SUPP mempunyai satu kerusi.

Dalam ucapannya selepas itu, Muhyiddin yang pertama kali me-

"Hari ini pun apabila COVID-19 melanda, Perdana Menteri menanganinya dengan baik. Tahniah, Perdana Menteri.

*Abang Johari Abang Openg,
Ketua Menteri Sarawak*

lawat Sarawak sejak dilantik sebagai Perdana Menteri tahun lalu, merakamkan penghargaannya terhadap sokongan Abang Johari.

“Saya tidak menjangkakan perkara ini. Ini adalah sokongan istimewa daripada Ketua Menteri Sarawak sebagai ketua kerajaan negeri, bukan sahaja sekarang tetapi juga pada masa akan datang.

“Semoga doa kita dimakbulkan,” katanya.